



Pendedahan terhadap aktiviti kesukarelawan **dapat membuka peluang kepada pelajar mendekati masyarakat.**

pada orang lain. Tuntasnya, aktiviti kesukarelawan sangat penting dan kesukarelawan, bukannya sekadar hangat-hangat tahi ayam.

**Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke [bhvarsiti@bh.com.my](mailto:bhvarsiti@bh.com.my)**

# Kongres himpun penyelidik universiti

**Bangi:** Dalam usaha membudayakan penyelidikan dan inovasi pada peringkat pendidikan tinggi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganjurkan Kongres Penyelidikan dan Inovasi yang menghimpunkan penyelidik serta pelajar daripada pelbagai universiti, baru-baru ini.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata sebagai universiti penyelidikan (RU), pihaknya sudah menggerakkan pelbagai sumber untuk mencapai misi menerusi enam bidang keberhasilan utama terutama dalam aspek penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi.

"Sehingga November 2015, kami berjaya memperoleh geran penyelidikan sebanyak RM54 juta dengan 693 projek penyelidikan yang dipero-

leh daripada pelbagai sumber antaranya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pembiayaan dana ini juga banyak membantu dalam meningkatkan prestasi penyelidikan universiti ini.

"Kami juga memperkenalkan konsep bicara tuntas pada penganjuran kongres kali ini yang mana pelajar diberi peluang untuk mempersembahkan hasil penyelidikan mereka selain memperkukuh hubungan wakil pelajar dari pelbagai universiti," katanya pada majlis perasmian Kongres Penyelidikan dan Inovasi, baru-baru ini.

## **Bicara tuntas**

Bertema Inspirasi Pemangkin Inovasi, kongres itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr



**Abu Bakar (dua dari kanan) beramah mesra dengan pemenang pertandingan Bicara Tuntas.**

Abu Bakar Mohamad Diah.

Dalam perkembangan berkaitan, Abu Bakar berkata, penyelidik perlu bersedia untuk memastikan setiap inovasi dan penyelidikan yang dihasilkan dapat dikomersialkan seiring dengan Tahun Pengkomersialan

Produk, tahun depan.

Bersempena dengan kongres itu, program lain turut diadakan termasuk sesi forum, bicara tuntas pelajar dan penyelidik universiti, pameran kesihatan, gerai jualan dan pameran inovasi.

Pada pertandingan Bicara Tuntas,

Tan Niu Jin dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai pemenang utama dengan membawa pulang hadiah RM3,000 manakala Mohd Izwan Md Yusof dari UKM di tempat kedua dan Dr Siti Aimi Sarah Zainal Abidin (UPM) di tempat ketiga.